

07 OCT 1997

Pemuda-Mahathir

DR MAHATHIR MINTA RAKYAT BUKTIKAN JUGA SOKONGAN KEPADA ANWAR

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberitahu pucuk pimpinan Pemuda Umno bahawa sokongan padu rakyat kepada beliau perlu juga ditunjukkan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri supaya cubaan melaga-lagakan mereka berdua tidak berhasil.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang mengetuai barisan exco pergerakan itu menemui Perdana Menteri bagi menyatakan sokongan mereka, berkata Dr Mahathir bimbang perbuatan media asing mengadu-domba beliau dengan Anwar akan berjaya jika rakyat hanya menyatakan sokongan padu kepadanya tetapi tidak kepada Anwar.

"Perdana Menteri tidak mahu ada pihak yang beranggapan sokongan kepadanya bermakna tiada sokongan bagi Timbalan Perdana Menteri," kata Ahmad Zahid pada persidangan berita di ruang legar Bangunan Parlimen di sini.

Pada pertemuan di Sri Perdana itu, Pemuda Umno menyerahkan memorandum sokongan kepada Dr Mahathir untuk meneruskan kepimpinan negara menghadapi apa juga cabaran yang melanda.

"Perdana Menteri khuatir laporan-laporan media asing yang menggambarkan beliau dan Anwar tidak sehaluan akan mempengaruhi rakyat sehingga menyebabkan kemungkinan mereka hanya menyokong Perdana Menteri atau hanya menyokong Timbalan Perdana Menteri," kata Ahmad Zahid.

Sekembalinya dari lawatan luar negara semalam, Dr Mahathir berkata tidak ada konflik antara beliau dan Anwar, serta berharap rakyat tidak terbawa-bawa dengan mempercayai kononnya beliau "berkelahi" dengan timbalannya itu.

Ahmad Zahid berkata, jika keraguan itu berlaku bermakna matlamat media asing untuk melihat perpecahan di kalangan pemimpin negara ini akan tercapai.

Katanya Perdana Menteri juga meminta media tempatan supaya tidak terikut-ikut rentak media asing dengan memetik laporan mereka untuk siaran atau sebagai bahan analisis.

Menurut beliau, Dr Mahathir berharap media tempatan lebih positif dan bertanggungjawab dalam laporan masing-masing kerana apa yang mereka laporkan dibaca dan dibuat kesimpulan oleh rakyat.

"Bagi pihak Pemuda, tidak munasabah bagi kami untuk meminta kerajaan membatalkan permit media asing. Apa yang boleh kami lakukan hanyalah meminta rakyat supaya lebih positif dan tidak terjebak dengan laporan-laporan media asing," katanya.

Pemuda Umno juga meminta pemimpin kerajaan dan parti supaya berhenti memberi temuramah kepada media asing buat sementara waktu ini untuk mengelak kenyataan mereka diputar belit. -- BERNAMA

AH MAI